

**'SEKTOR KORPORAT AWAM PERLU HAPUSKAN
PERBEZAAN DENGAN KOTA'**

Renungan

ORANG - orang yang berjuang dalam (naikan hak), Kami tunjuki mereka ke jalan sesungguhnya Allah berserta orang-orang berbuat kebaikan. — Maksud Al-Qur Ankaubut 69.

Jadikan desa pusat ekonomi — PM

UM 25 MAR 1987

KUALA LUMPUR 24 Mac — Sektor korporat awam perlu berjuang menghapuskan perbezaan antara sistem ekonomi kota dan desa supaya desa dan perkampungan menjadi pusat pertumbuhan ekonomi dan tidak terus terbiar.

Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, terdapat perbezaan yang ketara dalam ekonomi kota dan desa sehingga menyukarkan perpaduan negara dan pertumbuhan satu sistem ekonomi yang bersepadu.

"Sektor korporat awam khususnya perlu berjuang untuk menghapuskan 'dualisme' di dalam struktur ekonomi negara ini. Masih terdapat perbezaan antara sistem ekonomi kota dan sektor industri dengan sistem ekonomi desa.

"Perbezaan ini terlalu ketara bagi perpaduan negara serta untuk pertumbuhan satu sistem ekonomi yang bersepadu," tambah beliau semasa berucap merasmikan Seminar Kebangsaan Dasar Ekonomi Baru selepas 1990 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini pagi ini.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan tidak mahu melihat desa - desa dan kampung tradisional terus terbiar, tanah ladang tidak diusahakan, nilai harta terus lembab dan beku.

"Sebaliknya desa dan perkampungan perlu dijadikan pusat pertumbuhan ekonomi," tegas beliau.

LIHAT MUKA 6

Seminar selama tiga hari itu dianjurkan oleh Gabungan Agensi Amanah Bumiputera dan Perusahaan Awam (Gemaputra) dan dihadiri oleh 430 peserta daripada golongan usahawan, ahli akademik, pegawai - pegawai kanan kerajaan dan badan berkanun serta profesional tempatan. Datuk Sri Dr. Mahathir berharap, perusahaan - perusahaan awam dapat bersama - sama dengan agensi - agensi lain memajukan lagi sektor luar bandar yang masih ketinggalan sekarang. Menyentuh tentang peranan sektor korporat awam

dalam bidang perniagaan, Perdana Menteri menyeru agensi berkenaan supaya jangan menceburi bidang yang telah diterokai oleh pengusaha - pengusaha bumiputera lain. Menurutnya, jika perusahaan awam berkenaan melakukannya, ia akan merosakkan peluang perniagaan pengusaha - pengusaha kecil dan itu bukanlah satu kejayaan sepertimana yang disangkakan. "Agensi - agensi awam hanya boleh dianggap berjaya jika berjaya bersaing di pasaran dunia atau benar - benar dapat

membantu menyelesaikan masalah negara seperti mendapatkan teknologi baru, memperkenalkan barangan baru, mengadakan peluang pekerjaan serta mendapatkan peluang pemasaran yang lebih besar di luar negeri," jelas beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga meminta agensi - agensi awam supaya jangan terlalu bergantung kepada kerajaan untuk perlindungan, kontrak dan sebagainya kerana amalan ini diteruskan ia tidak akan membantu membentuk satu kumpulan pengurusan bumiputera yang berkemampuan. Katanya, walaupun agensi amanah telah memberikan sumbangan yang besar dalam mewujudkan kalangan peniaga bumiputera tetapi ia harus ingat kejayaan itu dicapai dengan perlindungan kerajaan.

Menyentuh tentang hakmilik bumiputera, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, agensi - agensi amanah telah berjaya membantu meningkatkan penguasaan bumiputera dalam sektor korporat walaupun peratusannya tidak mencapai apa yang diharapkan. Berhubung dengan peniaga bumiputera sekarang, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan memberi peranan yang lebih penting kepada mereka untuk membangunkan negara melalui program penswastanya.

"Program ini akan dibuat secara berperingkat - peringkat dan bumiputera akan dipastikan mendapat peluang yang sewajarnya," katanya.

Selain daripada itu, katanya, kerajaan akan mementingkan daya usaha individu bagi mewujudkan satu masyarakat bumiputera yang dinamik. Sehubungan dengan itu, katanya, sektor korporat awam hendaklah menyesuaikan diri supaya ia dapat menyediakan projek - projek yang lebih mementingkan dayausaha individu daripada memberi bantuan terus kepada peniaga - peniaga berkenaan.